

23 DEC 2000
Mahathir-Ganas
POLITIK GANAS DIBENDUNG TAHUN DEPAN

PUTRAJAYA, 23 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan membendung aliran politik yang menampakkan bibit-bibit ganas, memainkan sentimen perkauman dan memperalatkan agama termasuk mengkafirkan orang lain, tahun depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata aliran itu amat tidak baik untuk masa depan negara dan jika dibiarkan berterusan, keadaan akan menjadi buruk.

"Sebab itu dalam tahun depan kita harap ini ditangani...kita sedang kaji apa tindakan," katanya dalam temubual dengan RTM selepas merakamkan perutusan Tahun Baru 2001 melalui Radio Televisyen Malaysia di pejabatnya di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata aliran ke arah penggunaan cara-cara ganas oleh sebahagian rakyat ketara dalam pilihan raya kecil di Lunas, Kedah, baru-baru ini apabila pembangkang menakut-nakutkan pengundi.

"Ini mempunyai alamat yang tidak baik bagi negara kalau kita tidak bendung kerana ia mungkin meningkat," katanya.

Perdana Menteri berkata bibit-bibit keganasan itu juga kelihatan melalui keberanian pembangkang mencabar polis dan melanggar undang-undang, yang amat berbahaya kerana negara akan menjadi huru-hara jika undang-undang tidak lagi dihormati.

Katanya ada pula puak yang mengakibatkan ketegangan dalam hubungan kaum seperti kumpulan al-Maunah yang telah didakwa membunuh dua orang bukan Islam yang menjadi tawanan mereka dalam peristiwa di Sauk, Perak.

"Perkembangan tahun 2000 ini tidak menyenangkan, walaupun kita puas hati dengan ekonomi tetapi dalam politik kita lihat kehadiran keganasan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata isu agama yang dipergunakan oleh pembangkang bukan sahaja melibatkan Islam tetapi juga agama Kristian yang bertujuan menjadikan penganut Kristian bermusuhan dengan umat Islam.

Satu contoh, katanya, ialah penyebaran gambar tubuh paderi yang kepalanya diubahsuai dengan gambar kepala calon Barisan Nasional (BN) di Lunas semata-mata untuk menimbulkan sentimen marah di kalangan orang Islam.

"Ini adalah cara yang cukup buruk sekali kerana ia menghasut orang Islam berseteru dengan orang Kristian (sedangkan) di Malaysia orang Islam dan Kristian tidak ada masalah...kita tidak pernah berkelahi kerana agama," katanya.

Dr Mahathir berkata aliran parti pembangkang yang mempermainkan agama Islam dengan mengkafirkan orang lain juga sangat membimbangkan kerana soal mengkafir sudah masuk ke kampus universiti sehingga ada penuntut semasa bertanding untuk merebut jawatan dalam persatuan pelajar, sudah terikut-ikut mengkafirkan sesiapa sahaja yang tidak menyokong mereka.

"Lebih malang lagi, ada juga seorang dua pensyarah turut terlibat dalam isu itu," katanya.

Beliau berkata kerajaan, yang menyediakan universiti untuk anak-anak belajar, berpendapat mereka tidak harus diganggu dengan politik berparti yang menjejaskan tumpuan pembelajaran mereka.

"Malangnya, terus terang saya kata, parti lawan masuk dalam kampus dan menghasut penuntut supaya menentang kerajaan," katanya.

Mengenai tuntutan yang mencabar hak-hak tertentu yang sudah termaktub dalam perlembagaan, beliau berkata ia dilakukan oleh satu kumpulan kecil yang tidak faham tentang kontrak sosial dan bertindak seolah-olah Malaysia sebuah negara untuk satu kaum sahaja.

Menyentuh cabaran ekonomi, Dr Mahathir berkata 2000 merupakan tahun yang amat mencabar kerana ekonomi Malaysia walaupun tumbuh tetapi pasaran saham menghadapi masalah berikutan tindakan pihak asing menarik balik pelaburan dan membawa ke tempat lain yang lebih menguntungkan mereka.

"Ada juga berbagai-bagai berita angin. Namun demikian kita masih bernasib baik kerana pelabuhan-pelabuhan kita mencatatkan kenaikan dalam jumlah barangan yang dikendalikan dan dalam bidang-bidang lain juga, ekonomi agak baik," katanya.

Dr Mahathir berkata harga sawit dan getah pula terus menjunam kerana bekalan di pasaran dunia terlalu banyak yang menyebabkan harganya turun.

Menurutnya, cabaran terbaru yang berlaku sekarang ialah harga beras yang jatuh kerana penyeludupan dan telah membebankan penduduk luar bandar.

"Kadang-kadang kita rasa agak aneh kerana orang yang mengeluarkan padi juga makan beras seludup...dengan itu beras seludup dapat pasaran baik," katanya,

-- BERNAMA

MNY ZS MAI